

# Bekerja satu pasukan bangunkan UMS-KAL

LABUAN: Semua kakitangan disaran agar bekerja sebagai satu pasukan untuk membangunkan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menjadi sebuah universiti bertaraf antarabangsa.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj berkata semua pegawai dan kakitangan sokongan serta pensyarah mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menjaga dan menaikkan imej universiti.

Katanya, sebagai sebuah universiti yang akan menuju ke arah pengantarabangsaan, UMS-KAL sewajarnya memiliki pegawai dan kakitangan yang kreatif dan inovatif bagi memastikan hasrat berkenaan tercapai.

Beliau berkata kehadiran pelajar dan pensyarah antarabangsa dari China, Turki dan Bangladesh seharusnya meningkatkan lagi



**DR SHARIFF**

tekad dan azam kakitangan untuk terus maju dan berdaya saing.

"Kita akan mengadakan bengkel hala tuju UMS-KAL sebagai sebuah universiti bertaraf antarabangsa supaya ia terus maju dan berdaya saing dengan universiti lain di negara ini," katanya berucap pada majlis Amanat Pengarah

yang diadakan di perkarangan Bangunan Menara UMS-KAL di sini kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pendaftar (Pentadbiran), Kamisah Husin, ketua-ketua bahagian dan kakitangan sokongan.

Dr Shariff berkata program yang akan diadakan setiap bulan itu bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan UMS-KAL.

Beliau menasihatkan semua kakitangan supaya memenuhi kehendak pelanggan utama universiti iaitu pelajar termasuk dari segi layanan, penyediaan kemudahan di asrama dan dewan kuliah bagi mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih kondusif.

Dr Shariff mahu mereka melibatkan diri dalam semua program bagi menjalin hubungan yang lebih mesra selain hormat-menghormati antara kakitangan .


Beliau berkata setiap teguran daripada ketua bahagian adalah untuk memperbaiki diri dan organisasi bukannya mahu menyalahkan mana-mana pihak.

"Janganlah kita berprasangka buruk terhadap nasihat dan teguran daripada ketua bahagian kerana ianya mahu memperbaiki diri dan UMS-KAL," katanya.

Dr Shariff mahu semua kakitangan bekerja dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab serta meninggalkan sesuatu yang berharga untuk universiti.



**AMANAT...Sebahagian pegawai dan kakitangan yang menghadiri Majlis Amanat Pengarah UMS-KAL 2010.**



**ALBUM...Dr Shariff (tengah, bersongkok) bergambar kenangan dengan pegawai dan kakitangan sokongan UMS-KAL.**